

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI  
[ SIPITANG ]**

**TARIKH : 17.11.2016**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [ Sipitang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peratusan anak Sabah dan Sarawak ditempatkan mengajar di negeri masing-masing sehingga kini, dan apakah hasilnya berjaya meningkatkan pencapaian akademik di kalangan pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi keutamaan penempatan guru baharu ke Sabah dan Sarawak dalam kalangan guru kelahiran atau anak jati Negeri Sabah dan Sarawak bagi memastikan sasaran 90 peratus guru yang berkhidmat di Negeri Sabah dan Sarawak terdiri dalam kalangan anak tempatan dapat dicapai bermula pada tahun 2016 hingga tahun 2018. Walau bagaimanapun penempatan guru baharu adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga September 2016 jumlah guru kelahiran Sabah yang berkhidmat di Sabah telah mencapai 82 peratus daripada jumlah keseluruhan guru di Sabah manakala